



PROGRAM LATIHAN PENGURUSAN SISA KLINIKAL UNTUK KLINIK-KLINIK KERAJAAN DAN SWASTA BESAR-BESARAN SECARA PERCUMA

NILAI, NEGERI SEMBILAN 23 Februari 2017: Kualiti Alam, anak syarikat Kumpulan Cenviro baru-baru ini melancarkan Program Latihan Pengurusan Sisa Klinikal bagi petugas-petugas klinik kerajaan dan swasta yang pertama di negara ini.

Program ini ditawarkan secara percuma bagi semua pegawai yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan sisa klinikal.

Program ini dijalankan bagi memberi pendedahan dan meningkatkan tahap keselamatan dalam menguruskan sisa klinikal dengan selamat dan teratur mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menurut Pengarah Kualiti Alam, Encik Khalid Bahsoon, syarikatnya menerima banyak laporan berkaitan pembungkusan sisa klinikal yang tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan. Menurut beliau lagi, sisa klinikal yang tidak diurus dengan baik akan mendedahkan kakitangan perubatan kepada risiko jangkitan kuman berbahaya dan kecederaan akibat kecuaihan.

Program yang diadakan di Nilai ini telah dirasmikan oleh Puan Norhazni Mat Sari, Pengarah JAS Negeri Sembilan bersama Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Zainudin Bin Mohd Ali dan disertai oleh 200 kakitangan perubatan dari klinik dan hospital kerajaan serta swasta di Negeri Sembilan.

Program latihan pengurusan sisa klinikal ini akan diadakan di seluruh mengikut zon-zon di Lembah Klang, Pantai Timur dan Wilayah Utara.

Dr. Zainudin menzahirkan penghargaan kepada Kualiti Alam dan Kumpulan Cenviro kerana menganjurkan program kesedaran ini secara percuma kepada para pegawai perubatan. Puan Norhazni juga turut memuji langkah proaktif pihak Kualiti Alam untuk menjadi syarikat pertama di Malaysia yang menawarkan program latihan ini secara percuma.

Pada 24 November 2014, Kumpulan Cenviro telah memperkenalkan dan melancarkan Pusat Rawatan Sisa Klinikal di Pusat Pengurusan Sisa Buangan Terjadual Bersepadu di Negeri Sembilan dengan menggunakan teknologi gelombang mikro *ecosteryl*. Pusat ini dilengkapi dengan teknologi canggih dalam pelupusan sisa perubatan, *microwave ecosteryl* yang menawarkan proses mesra alam yang menggunakan tenaga elektrik secara minimum serta menyediakan penyelesaian yang selamat dan mesra alam kepada industri bio-perubatan dan klinikal. Teknologi *microwave ecosteryl* mampu merawat 26 tan metrik sisa klinikal setiap hari.

#####

Tentang Kumpulan Cenviro

Cenviro Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad. Dengan kepakaran melebihi 20 tahun, Kumpulan Cenviro juga mengendalikan pusat pengurusan Sisa Buangan Terjadual Bersepadu terbesar di negara ini menerusi anak syarikatnya, Kualiti Alam Sdn Bhd yang beroperasi di Seremban, Negeri Sembilan. Kumpulan Cenviro telah memperkenalkan pelbagai idea inovatif dan teknologi dalam peranan syarikat ini sebagai peneraju dalam penyelesaian alam sekitar bersepadu seperti teknologi “*Microwave*” untuk pelupusan bahan buangan klinikal, teknologi “*Scheduled Waste to Energy*” untuk sisa buangan terjadual, pembinaan “*Secured Vertical Landfill*” sebagai langkah inovatif untuk meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada serta mengoptimum penggunaan tanah tapak pelupusan di negara ini, pembinaan “*Environmental Preservation and Innovation Centre (EPIC)*” sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang khusus dalam menguruskan semua kategori sisa di negara ini. Di samping itu juga, Cenviro turut berpotensi melaksanakan teknologi “*Waste to Energy*” untuk sisa pepejal.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Jabatan Komunikasi Korporat

Kumpulan Cenviro

Emel

ismawati@cenviro.com

amirulhalim@cenviro.com

Telefon

03 2727 6100